UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA
JABATAN PERDANA MENTERI

KERATAN AKHBAR
AKHBAR : BERITA HARIAN
TARIKH : OKTOBER / 6 / 2026
M/S : 4

Prestasi kewangan Malaysia tahun lalu bertambah baik

Negara catat peningkatan lebihan hasil RM2.184b, pengurangan defisit RM3.878b

Kuala Lumpur: Prestasi kewangan Kerajaan Persekutuan pada 2025 bertambah baik dengan peningkatan lebihan hasil RM2.184 bilion dan pengurangan defisit RM3.878 bilion berbanding tahun sebelumnya.

Jabatan Audit Negara menerusi kenyataan mengenai Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2/2026 memaklumkan nisbah defisit kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) turut menurun daripada 4.1 peratus kepada 3.7 peratus pada 2025.

"Pencapaian ini lebih kukuh berbanding sasaran 3.8 peratus ditetapkan dalam Belanjawan 2025. Ini meletakkan asas yang baik untuk mencapai sasaran defisit jangka masa sederhana di bawah tiga peratus," menurut kenyataan itu.

Berdasarkan pengauditan dilaksanakan, Ketua Audit Negara memberikan Pendapat Tanpa Teguran berserta Perenggan Hal-hal Lain bagi Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2025.

LKAN 2/206 mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2025, Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri, Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri dibentangkan di Dewan Rakyat hari ini.

Pertumbuhan hutang turun

Kenyataan itu turut memaklumkan kadar pertumbuhan hutang Persekutuan bagi tempoh lima tahun (2021 hingga 2025) menurun daripada 10.2 peratus kepada 5.9 peratus selain pengurusan hutang Kerajaan Persekutuan juga menunjukkan perkembangan positif dengan pinjaman baharu menurun sebanyak 8.2 peratus, iaitu daripada RM202.248 bilion pada 2024 kepada RM185.577 bilion pada 2025.

Penggunaan utama pinjaman baharu itu adalah untuk membayar balik prinsipal pinjaman terdahulu yang telah matang pada 2025 berjumlah RM106.144 bilion dan pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM75.560 bilion bagi tujuan perbelanjaan projek pembangunan.

Fokus utama pengauditan dalam LKAN kali ini antara lain adalah berhubung Pengurusan Pinjaman Boleh Dituntut, Pembayaran Akaun Amanah Khas, Wang Pendahuluan Kontraktor, Akaun Belum Terima Kos Pengalihan Utiliti dan laporan pengurusan Projek Littoral Combat Ship (LCS) hasil pengauditan secara interim setakat Julai 2026.

Selain itu, kutipan tunggakan Pinjaman Boleh Dituntut adalah rendah, iaitu hanya sejumlah RM0.465 bilion (5 peratus) daripada RM9.273 bilion yang berjaya dikutip pada 2025, di mana penstrukturan semula pinjaman perlu dibuat.

Namun, tunggakan baharu masih berlaku walaupun pinjaman telah distruktur semula.

Kerajaan Persekutuan juga telah menghapus kira sejumlah RM578.32 juta tunggakan bayaran balik yang terdiri daripada RM127.33 juta baki pokok belum selesai serta faedah dan faedah lewat berjumlah RM450.99 juta melibatkan 23 pinjaman pada 2025.

"Ketua Audit Negara mengesyorkan Kementerian Kewangan memperkukuh pemantauan dan penguatkuasaan, memperketat penilaian risiko serta menilai semula keberkesanan penstrukturan semula pinjaman," menurut kenyataan itu.

BERNAMA